

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1989/90

Oktober/November 1989

PLG 452 Komputer dan Pendidikan

Masa : [2 jam]

Jawab semua soalan.

1. (a) Pilih salah satu program CAI yang tersebut di bawah:

- (a) Escape
- (b) Darts
- (c) Prefixes

Bincangkan mutu pendidikannya dengan merujuk kepada

- (a) rangsangan
- (b) maklum balik
- (c) kawalan murid
- (d) motivasi

(20 markah)

(b) Berdasarkan program-program CAI yang telah anda teliti dalam kursus ini, cadangkan dengan sebabnya dua cara yang asas untuk memperbaiki rekabentuk program-program CAI yang sedia ada.

(20 markah)

2. (a) Bincangkan baik buruknya penyunting grafik SuperPILOT untuk membantu guru-guru memperkembangkan grafik-grafik untuk digunakan dalam perisian pendidikan.

(15 markah)

(b) Terangkan secara ringkas cara-cara atau teknik-teknik yang disediakan oleh SuperPILOT untuk meningkatkan mutu keinteraksian antara murid dan program yang tertulis dalam SuperPILOT.

(15 markah)

...2/-

- 2 -

3. (a) Terangkan secara ringkas sebab-sebab dan tujuan-tujuan untuk mengadakan kelab komputer di sekolah rendah di Malaysia.

(10 markah)

- (b) Terangkan dengan jelasnya dua cara praktikal yang komputer boleh digunakan untuk meningkatkan lagi mutu pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah di Malaysia.

(20 markah)

- oooOooo -